

Perwanit batal seminar silat, 19 APR 1989 forum ideologi

Persisi, kerabat tak setuju penganjurannya

SEMINAR Silat Serantau dan forum ideologi nasional yang dirancang oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) untuk lewat bulan lalu telah dibatalkan.

Bagaimanapun badan induknya, Persekutuan Silat Singapura (Persisi), dan badan-badan kerabat lain bersetuju secara prinsip untuk menganjurkan seminar silat itu tanpa menentukan tarikhnya.

Perwanit pula masih berharap menganjurkan forum ideologi nasional itu dalam masa tiga bulan.

Presiden Perwanit, Haji Ismaon Ali, ketika dihubungi berkata bahawa Persisi dan badan-badan kerabat lain tidak setuju Perwanit selaku badan kerabat menganjurkan seminar sebesar itu.

Mereka menganggap bahawa Persisi, sebagai badan induk yang mengawal kegiatan silat setempat, adalah badan paling sesuai menganjurkannya, jelas beliau.

Haji Ismaon mengakui bahawa Perwanit tidak merujuk rancangan itu kepada jawatankuasa pentadbir Persisi sebe-

lum membuat keputusan itu dan mengemukakan kenyataan akhbar.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa perlembagaan Perwanit memberinya kebebasan untuk menjalankan sebarang kegiatan yang difikirkan patut.

Apabila ditanya setakat mana persediaan Perwanit menganjurkan seminar itu sebelum ia ditolak, Timbalan Presidenya, Encik Johari HM Uriff, berkata, undangan telah dibuat dan segala bahan dan prasarana bagi seminar itu telah disiapkan.

Bagaimanapun, jawatankuasa dan anggota Perwanit menerima keputusan mesyuarat itu demi mengekalkan hubungan baik dengan semua pihak, tambahna.

Sementara itu Presiden Persisi, Encik Ibrahim Othman, menjelaskan, beberapa anggota kerabatnya telah mempersoalkan rancangan Perwanit itu dalam satu mesyuarat tergepar pada 6 Januari lalu — tiga hari selepas laporan akhbar mengenai rancangan itu.

Katanya, pihak kerabat me-

mintanya Perwanit menjelaskan keputusan mereka. Setelah perbincangan, setiap pihak bersetuju agar ia dibatalkan dan Persisi mengambil alih sebagai penganjur.

Perkara tersebut sekali lagi ditimbulkan dalam mesyuarat jawatankuasa pentadbir Persisi, jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa sebagai badan induk, Persisi perlu diberitahu tentang sebarang rancangan dan mengiktirafnya terutama sekali bagi rancangan sebesar itu.

Menjelaskan tentang pembatalan forum itu, Haji Ismaon berkata bahawa kebelakangan ini, Perwanit begitu sibuk dengan pelbagai kegiatan seperti mesyuarat agungnya dan penyertaannya dalam Karnival Majlis Pusat baru-baru ini.

Lagipun, pihaknya berpendapat bahawa perbincangan itu tidak harus dilakukan secara terburu-buru kerana Timbalan Pertama Perdana Menteri, Encik Goh Chok Tong, sendiri menekankan bahawa pembentukan ideologi nasional itu akan memakan masa, katanya lagi.

2147